

SUKAN SEA KE-28

# Permulaan baik Harimau Muda buka langkah kemenangan

Skuad bawah 23 tahun negara bermula dengan langkah kanan dalam acara bola sepak Sukan SEA Ke-28 dengan meraih kemenangan tipis 1-0 ke atas Timor Leste dalam perlawanan pembukaan kumpulan B di Stadium Bishan, Singapura.

Pasukan Harimau Muda itu menyorok langkah kemenangan menerusi larian kemas pemain muda Perak, Muhammad Nurridzuan yang menghantar bola kepada Muhd Syafiq dalam kotak penalti sebelum pemain itu membuat lorongan kepada D Saarvindran yang melakukan rembatan menewaskan penjaga gol lawan pada minit ke-11 perlawanan.

Jaringan itu ternyata menyuntik semangat pemain Malaysia apabila membuat serangan bertali arus ke kubu lawan sehingga memaksa pertahanan lawan kerap membuat kesilapan. Namun, jaringan gol gagal ditambah kerana kegopohan penyerang muda negara, Muhd Syafiq ketika berdepan dengan penjaga gol lawan menyebabkannya gagal melakukan penyudah.

Peluang skuad negara untuk menambah jaringan juga terbantut apabila pemain yang pernah beraksi di kelab Portugal, Nazmi Faiz Mansor dilayangkan kad merah pada minit ke-32 oleh pengadil perlawanan dari Singapura.

Pemain itu didakwa meludah ke arah pemain Timor Leste yang memaksa pengadil itu mengarahkannya keluar padang.

Mengetahui Malaysia bermain dengan 10 pemain, pasukan la-

wan meningkatkan corak serangan mereka dengan membuat serangan dari kiri dan kanan untuk menyamakan kedudukan. Hanya disiplin barisan pertahanan skuad negara yang diketuai oleh Amer Saidin dan Adam Nor Azlin menyukarkan pasukan lawan buntu melakar peluang jaringan sehingga tamat separuh masa pertama.

## Timor Leste 'dahagakan' gol

Bermula babak kedua, Timor Leste yang seakan 'dahagakan' gol dilihat mendominasi perlawanan sehingga tamat perlawanan. Peluang mereka untuk menyamakan kedudukan hadir apabila sepakan percuma depan kotak penalti Malaysia yang diambil oleh kapten pasukan mereka berjaya ditepis oleh penjaga gol negara. Skuad negara hampir menambah jaringan apabila tandukan Amer Saidin sekadar singah di palang gol pasukan lawan.

“

*Kemenangan pertama boleh beri keyakinan bahawa kita sebagai juara Sukan SEA 2011 mampu pergi lebih jauh kerana dibarisi pemain berpotensi seperti Fandi Othman, D Saarvindran dan Gary Steven Robbat”*



Penyokong menaruh harapan skuad negara dapat memberi persembahan yang konsisten untuk melakar kejayaan pada Sukan SEA Ke-28 di Singapura.

[GAMBAR HIASAN]

Dengan satu jaringan dan pertahanan baik menunjukkan bahawa Malaysia boleh mencabar kejuaraan edisi kali ini. Mungkin kemenangan pertama boleh memberi keyakinan bahawa kita sebagai juara Sukan SEA 2011 mampu pergi lebih jauh kerana dibarisi pemain yang berpotensi seperti Fandi Othman, D Saarvindran dan Gary Steven Robbat.

Pujian juga harus diberikan kepada barisan pemain Harimau Muda kerana memberi komitmen yang tinggi serta memanfaatkan peluang menjangkingan gol untuk mengutip mata penuh dalam perlawanan itu.

Pada masa sama, skuad bawah 23 tahun negara seharusnya meningkatkan prestasi dan konsisten dalam setiap perlawanan jika mahu mencabar kejuaraan.

Mereka perlu mengekalkan disiplin permainan dan Nazmi per-

lu belajar daripada kesilapannya.

## Pemilihan terbaik pemain

Pada masa sama, ketua jurulatih, Datuk Ong Kim Swee diyakini akan membuat pemilihan terbaik pemain dalam setiap perlawanan kerana selepas ini Malaysia bakal bertemu dengan lawan sebenar iaitu Vietnam dan juara bertahan Sukan SEA edisi lalu, Thailand dalam saingan kumpulan B.

Dengan ketiadaan Nazmi di bahagian tengah selepas ini, mungkin jurulatih boleh mencuba pemain lain seperti Syahrul Azwari atau Faizat Ghazli bergandingan dengan Gary di posisi itu.

Penyokong menaruh harapan skuad negara dapat memberi persembahan yang konsisten untuk melakar kejayaan memenangi emas edisi kali ini.

**Wan Ahmad Bukhari Razali,**  
Universiti Sains Islam Malaysia

## FORUM

Pembaca yang ingin  
menyuarakan  
pandangan berhubung  
isu semasa boleh  
menghantar sumbangan  
menerusi e-mel:  
**bhforum@  
bharian.com.my**